
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

HKN 208 – Puisi Melayu Dan Indonesia Moden

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Pilih DUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Contoh yang digunakan dalam sesuatu jawapan tidak dibenarkan diulang dalam jawapan lainnya.

...2/-

BAHAGIAN A

1. 'Tanpa bahasa yang baik, tidak mungkin sebuah sajak yang baik diciptakan'. Berdasarkan pernyataan tersebut, bincangkan bagaimanakah penyair yang baik menggunakan bahasa puisi dalam karyanya?
2. Amir Hamzah dianggap sebagai 'Raja Penyair Indonesia' oleh H.B. Jassin. Bersetujukah anda dengan pandangan ini? Sertakan hujah-hujah kritis untuk menyokong jawapan anda.
3. "Chairil Anwar mendahului zamannya," menurut A. Teeuw. Berdasarkan sajak "Aku" yang dilampirkan, perlihatkan sumbangan beliau terhadap perkembangan puisi moden Indonesia.
4. 'Penyair intelektual sangat langka di Indonesia, tetapi Subagio Sastrowardjo telah dapat menggabungkan sudut pandangan intelektualnya dengan permasalahan manusia dengan sangat berkesan.' Bahaskan pendapat ini.

BAHAGIAN B

5. 'Abad kedua puluh satu adalah abad sains dan teknologi.' Pada pandangan anda, adakah puisi menyumbang kepada kehidupan manusia pada abad ini? Berikan hujah-hujah yang kritis untuk menyokong jawapan anda.
6. 'Sebuah sajak yang baik membijaksanakan pembacanya,' kata Robert Frost. Berdasarkan contoh-contoh karya penyair Malaysia yang sesuai, bincangkan pendapat ini.
7. Pilih dua orang penyair daripada senarai berikut dan bandingkan kekuatan-kekuatan puisi mereka:
 - [a] A. Latiff Mohidin
 - [b] Baha Zain
 - [c] Muhammad Haji Salleh
 - [d] Usman Awang
8. Dengan menggunakan sajak yang dilampirkan, iaitu "Ingatan Pada Satu Kasih Yang Tak Jadi" oleh Zurinah Hassan dan "Rajut" oleh Siti Zainon Ismail, bandingkan citra wanita yang terakam dalam sajak-sajak berkenaan.

...Lampiran/-
...3/-

LAMPIRAN

“AKU”
(Chairil Anwar)

Kalau sampai waktuku
'Ku mau tak seorang 'kan merayu
Tidak juga kau

Tak perlu sedu sedan itu

Aku ini binatang jalang
Dari kumpulannya terbang

Biar peluru menembus kulitku
Aku tetap meradang menerjang

Luka dan bisa kubawa berlari
Berlari
Hingga hilang pedih peri

Dan aku akan lebih tidak perduli

Aku mau hidup seribu tahun lagi.

“INGATAN PADA SATU KASIH YANG TAK JADI”
(Zurinah Hassan)

Kesilapannya
kau tidak berdaya berterus-terang
dan aku tidak berjaya mentafsir.

Kesilapannya
kau membina harapan
bagai mengatur gambar-gambar
pada sebuah album yang indah
sedang aku tidak pernah melihat
gambar-gambar itu.

Kesilapannya
kita telah bertemu
dalam mimpi yang menggembirakan
tapi aku lebih gembira
bila terjaga dari mimpi itu.

...Lampiran/-
...3/-

LAMPIRAN

“RAJUT”
(Siti Zainon Ismail)

Rajutkan getir
bersama jaluran takdir

Dipakainya
mahkota fikir
diletakkannya
permata rasa

Kecuali peribadi
dirajutnya
sobekan hati
jaringan demi jaringan
antara tusukan jarum hidup
digumpalnya benang kusut
bergelombang degup

Dirajutnya duka
bersulamkan cinta.

- 000 0 000 -